

27/10/1998

Perubahan sistem taksiran perlu dijelas

Wan Sabariah Shikh Ali

BEBERAPA pindaan dijangka dibuat tidak lama lagi terhadap Akta Percukaian 1967 untuk disesuaikan dengan perubahan struktur sistem taksiran percukaian yang diumumkan dalam Belanjawan Negara 1999.

Ahli Majlis Institut Akauntan Malaysia, Neoh Chin Wah, berkata pembayar cukai terutama masyarakat perniagaan juga perlu diberikan penerangan lebih jelas mengenai kesan pelaksanaan sistem taksiran cukai mengikut tahun semasa bermula tahun 2000, terhadap pendapatan mereka bagi 1999.

Banyak pihak terutama masyarakat perniagaan masih kurang jelas mengenai kesan pindaan sistem percukaian itu kepada taksiran tahun semasa daripada sistem kutipan pada tahun berikut yang diamalkan sekarang.

Sesetengah kalangan menimbulkan kemungkinan wujudnya perbuatan mengisytiharkan keuntungan kecil atau memperbesarkan jumlah kerugian pada 1998 dan keuntungan besar pada 1999, tahun yang dikecualikan cukai sebelum sistem taksiran semasa dibuat tahun berikutnya.

Menurut Neoh, kemungkinan memanipulasi akaun untuk memastikan keuntungan besar dikecualikan dari cukai bukan boleh dibuat sewenang-wenangnya.

"Syarikat bukannya boleh menyediakan akaun sesuka hati kerana pindaan mutakhir terhadap Akta Syarikat mensyaratkan penyediaan akaun syarikat hendaklah mematuhi piawaian yang ditetapkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia.

"Dengan itu, mereka tidak boleh memilih untuk mengiktiraf atau tidak mengiktiraf perolehan sebagai pendapatan dengan sewenang-wenangnya," katanya kepada Berita Harian ketika dihubungi di Pulau Pinang, semalam.

Pendapatan yang diiktiraf ialah prinsip asas perakaunan iaitu hak untuk mendapat perolehan dan tanggungjawab membuat bayaran daripada kontrak jualan atau belian. Misalnya, jika anda menjual barangan atau perkhidmatan, anda mempunyai hak untuk mendapat perolehan daripada urusan niaga itu.

Perolehan daripada urusan niaga berkenaan diiktiraf sebagai pendapatan dan boleh dikenakan cukai.

Bagaimanapun, Neoh mengakui memang ada ruang yang boleh dimanipulasi oleh syarikat dalam menjalankan pelbagai jenis transaksi perniagaan tanpa melanggar peruntukan undang-undang percukaian secara langsung.

Misalnya, peniaga atau pembeli bahan mentah atau bahan perantaraan boleh melengah-lengahkan pengeluaran invois jualan atau belian walaupun barang-barang sudah digerakkan, bagi memastikan ia termasuk dalam tahun kewangan 1999.

Bagaimanapun, Neoh mengingatkan akta percukaian sedia ada mempunyai peruntukan yang mencukupi untuk menangani amalan memanipulasi akaun syarikat sama ada terhadap pemilik syarikat, akauntan atau juru audit.

Seksyen 140 Akta Percukaian mempunyai peruntukan anti pengelat cukai yang turut mengenakan tindakan terhadap mereka yang membantu dan bersubahat menyebabkan seseorang atau sesebuah syarikat tidak membayar cukai.

Satu lagi perkara yang memerlukan penjelasan dalam sistem taksiran baru ini ialah tempoh taksiran yang dimaksudkan bagi tahun kewangan 1999.

Menurut Neoh, tidak semua syarikat menutup akaun pada 31 Disember setiap tahun. Sebahagiannya mempunyai tahun kewangan yang berakhir pada 30 Jun.

"Adakah ini bermakna pengecualian pendapatan 1999 bagi syarikat dan perniagaan yang mempunyai tahun kewangan berakhir 30 Jun, bermula pada 1 Julai 1998, ataupun hanya setengah tahun kewangan bermula 1 Januari 1999

sahaja dikira termasuk dalam pengecualian ini," katanya.

Bagi cukai pendapatan individu, mereka yang mula bekerja pada 1 Januari 1995 sudahpun melaksanakan sistem bayar-sambil-bekerja (pay-as-you-earn) yang akan mula dilaksanakan secara keseluruhan pada tahun 2000.

Pindaan struktural kepada sistem taksiran itu yang diumumkan dalam Belanjawan, menurut kerajaan, bertujuan membolehkan kutipan cukai dibuat dengan lebih cekap dan segera bagi memastikan aliran tunai kerajaan menggambarkan prestasi ekonomi semasa.

Dengan pindaan itu juga, kerajaan memutuskan supaya pendapatan tahun 1999 tidak dikenakan cukai, manakala kerugian bagi tahun berkenaan dibenarkan di bawa ke tahun berikutnya.

Langkah itu adalah untuk mengelakkan pengenaan cukai berganda pada tahun 2000 kerana mengikut sistem sedia ada, pendapatan bagi 1999 akan ditaksir untuk kutipan pada tahun berikutnya.

Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan Pertama, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, turut mengumumkan perubahan sistem taksiran formal kepada sistem taksiran sendiri secara berperingkat bermula dengan kategori syarikat pada 2001.

(END)